

**LAMPIRAN B**

**PROGRAM  
PERKHIDMATAN  
FARMASI**

**SESI 2024/2025**

## **A. SYARAT-SYARAT TAMBAHAN PROGRAM PERKHIDMATAN FARMASI**

1. Syarat-syarat tambahan Program Perkhidmatan Farmasi adalah terpakai untuk semua jenis permohonan Cuti Belajar (CBBP Dengan HLP, CBBP Tanpa HLP, CBBP Tanpa HLP dengan Tajaan Luar dan CBTG Tanpa HLP; sila rujuk laman sesawang Program Perkhidmatan Farmasi (<https://www.pharmacy.gov.my/v2/ms>) untuk maklumat lanjut;
2. Permohonan mengikut pengajian di peringkat **Sarjana** hanya akan dipertimbangkan bagi pemohon lantikan tetap yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya genap **lima (5)** tahun dari tarikh lantikan sehingga tarikh tutup permohonan;
3. Permohonan mengikut pengajian di peringkat **Ph.D** hanya akan dipertimbangkan bagi pemohon lantikan tetap yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya untuk tempoh **lapan (8) tahun** dari tarikh lantikan sehingga tarikh tutup permohonan;
4. Pegawai yang ingin memohon CBBP Dengan HLP, CBBP Tanpa HLP, CBBP Tanpa HLP dengan Tajaan Luar dan CBTG diwajibkan untuk memohon melalui Tawaran Iklan Cuti Belajar oleh BPL, KKM di sistem eHLP dan pegawai perlu lulus saringan temu duga oleh Program Perkhidmatan Farmasi;
5. Permohonan naik taraf daripada Sarjana kepada Ph.D adalah **tidak dibenarkan** bagi pegawai yang sedang dalam pengajian;
6. Permohonan CBBP Dengan HLP hanya tertakluk di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di dalam negara sahaja dan Institut Pengajian Tinggi (IPT) di luar negara (bagi bidang kritikal yang tidak ditawarkan dalam negara). Permohonan untuk CBBP Tanpa HLP, CBBP Tanpa HLP dengan Tajaan Luar dan CBTG Tanpa HLP pula boleh dimohon di IPTA/ IPT Swasta di dalam negara dan IPT di luar negara;
7. Pegawai hanya boleh memohon bidang kursus yang telah tersenarai sahaja untuk pertimbangan Program Perkhidmatan Farmasi. Bagi kursus berkaitan dengan Farmasi Klinikal & *Pharmacy Practice* hanya IPT yang menawarkan Ijazah Pertama yang diiktiraf oleh Lembaga Farmasi Malaysia (LFM) layak dipertimbangkan;
8. Pegawai yang memohon mengikut pengajian di peringkat Ph.D perlu memiliki kelayakan Sarjana dalam bidang yang berkaitan dengan Farmasi atau bidang tugas Farmasi. *Contohnya: Master in Business Administration (MBA) tidak layak memohon Ph.D bidang Farmasi*);

9. Bidang yang dipohon adalah berkaitan dan bersesuaian dengan tugas serta penempatan terkini pegawai. Walau bagaimanapun, pertimbangan boleh diberikan dalam kes-kes tertentu sekiranya memberi faedah selaras dengan halatuju Program Perkhidmatan Farmasi/ KKM;
10. Kertas cadangan penyelidikan yang disediakan hendaklah berkaitan dengan bidang Farmasi seperti Penjagaan Farmaseutikal, Regulatori Farmasi, Penguatkuasaan Farmasi dan sebagainya;
11. **Pegawai tidak dibenarkan** untuk:
  - a. **Penangguhan** sebelum atau semasa tempoh Cuti Belajar; dan
  - b. Pertukaran kursus atau bidang;
12. Tempoh pelanjutan setelah menerima tawaran Cuti Belajar yang layak dipertimbangkan adalah seperti berikut:
  - a. Sarjana (mod penyelidikan sahaja): maksimum **tiga (3) bulan sahaja**; atau
  - b. Ph.D: maksimum **enam (6) bulan sahaja**;
13. Rayuan pelanjutan pengajian selepas pelanjutan diluluskan kali pertama adalah **tidak dibenarkan**.

**B. SENARAI KETUA JABATAN PROGRAM PERKHIDMATAN FARMASI**

<b>TEMPAT BERTUGAS</b>	<b>KETUA JABATAN</b>
KLINIK KESIHATAN	PEGAWAI FARMASI KESIHATAN DAERAH
PEJABAT KESIHATAN DAERAH	PEGAWAI FARMASI KESIHATAN DAERAH
JABATAN KESIHATAN NEGERI	TIMBALAN PENGARAH KESIHATAN NEGERI (FARMASI)
HOSPITAL	KETUA PEGAWAI FARMASI/ KETUA JABATAN FARMASI
INSTITUSI	KETUA PEGAWAI FARMASI/ KETUA JABATAN FARMASI
IBU PEJABAT KKM	PENGARAH BAHAGIAN

### **C. DOKUMEN TAMBAHAN PROGRAM PERKHIDMATAN FARMASI**

Mengisi maklumat yang diperlukan dan memuat naik dokumen tambahan di bawah secara dalam talian **sebelum tarikh tutup permohonan** di pautan berikut:

<https://shorturl.at/bfsUZ>

1. **A. Bagi permohonan Mod Kerja Kursus (*Coursework*)**, sertakan:
  - i. Kertas Cadangan Penyelidikan (*Proposal Paper*)/ disertasi pengajian yang lengkap (**panduan menulis seperti di Lampiran C di sistem eHLP**); dan
  - ii. Rangka kursus.
  
- B. Bagi permohonan Mod Penyelidikan/ *Mixed-mode***, sertakan:
  - i. Kertas Cadangan Penyelidikan (*Proposal Paper*)/ disertasi pengajian yang lengkap (**panduan menulis seperti di Lampiran C di sistem eHLP**); dan
  - ii. Surat persetujuan daripada penyelia IPT bagi cadangan topik penyelidikan (**seperti di Lampiran F di sistem eHLP**)
  
2. Pelan Tindakan Selepas Tamat Pengajian (PTSTP) (**seperti di Lampiran D di sistem eHLP**);
  
3. Surat Aku Janji Cuti Belajar yang telah ditandatangani (**seperti di Lampiran E di sistem eHLP**);
  
4. *Curriculum Vitae* (**seperti di Lampiran G di sistem eHLP**);
  
5. Salinan **Transkrip dan Sijil Ijazah Sarjana Muda/ Sarjana** (keputusan transkrip setiap semester);
  
6. Surat Tawaran Universiti (sekiranya ada);
  
7. Surat tawaran Biasiswa/ Tajaan Luar (selain HLP) (sekiranya ada).

## **PERINGATAN**

- ❖ **TUAN/ PUAN PERLU SCAN DOKUMEN TAMBAHAN YANG BERKAITAN DALAM BENTUK PDF UNTUK DIMUAT NAIK KE PAUTAN *GOOGLE FORM* YANG DINYATAKAN DI ATAS.**
- ❖ **PASTIKAN SEMUA DOKUMEN TAMBAHAN ADALAH LENGKAP DAN DIMUAT NAIK BAGI MENGELAKKAN PERMOHONAN DITOLAK.**
- ❖ **TARIKH AKHIR BAGI PENGHANTARAN DOKUMEN TAMBAHAN ADALAH PADA 09 OKTOBER 2023.**

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**

**SENARAI BIDANG KURSUS YANG DITAWARKAN UNTUK MENGIKUTI CUTI BELAJAR  
DI PERINGKAT SARJANA/PH.D SESI 2024/2025**

**PROGRAM PERKHIDMATAN FARMASI**

**PERINGKAT SARJANA**

<b>BIL</b>	<b>KAEDAH</b>	<b>BIDANG</b>	<b>PERINGKAT</b>	<b>UNIVERSITI / INSTITUSI</b>	<b>LOKASI (Bagi Permohonan CBBP Dengan HLP)</b>
1	CBBP Dengan HLP/ CBBP Tanpa HLP/ CBTG Tanpa HLP	Master in Clinical Pharmacy	Sarjana	IPTA / IPTS (MQA Accredited)	Dalam Negara
2	CBBP Dengan HLP/ CBBP Tanpa HLP/ CBTG Tanpa HLP	Master in Cosmetic Science	Sarjana	IPTA / IPTS (MQA Accredited)	Dalam Negara
3	CBBP Dengan HLP/ CBBP Tanpa HLP/ CBTG Tanpa HLP	Master in Criminal Justice	Sarjana	IPTA / IPTS (MQA Accredited)	Dalam Negara
4	CBBP Dengan HLP/ CBBP Tanpa HLP/ CBTG Tanpa HLP	Master in Cybercrime/ Cybersecurity/ Cybercrime Investigation/ Forensic Computing	Sarjana	IPTA / IPTS (MQA Accredited)	Dalam Negara
5	CBBP Dengan HLP/ CBBP Tanpa HLP/ CBTG Tanpa HLP	Master in Enforcement Law	Sarjana	IPTA / IPTS (MQA Accredited)	Dalam Negara
6	CBBP Dengan HLP/ CBBP Tanpa HLP/ CBTG Tanpa HLP	Master in Medical Statistics	Sarjana	IPTA / IPTS (MQA Accredited)	Dalam Negara
7	CBBP Dengan HLP/ CBBP Tanpa HLP/ CBTG Tanpa HLP	Master in Nuclear Pharmacy	Sarjana	IPTA / IPTS (MQA Accredited)	Dalam Negara
8	CBBP Dengan HLP/ CBBP Tanpa HLP/ CBTG Tanpa HLP	Master in Pharmaceutical Analysis	Sarjana	IPTA / IPTS (MQA Accredited)	Dalam Negara
9	CBBP Dengan HLP/ CBBP Tanpa HLP/ CBTG Tanpa HLP	Master in Pharmaceutical Biotechnology	Sarjana	IPTA / IPTS (MQA Accredited)	Dalam Negara
10	CBBP Dengan HLP/ CBBP Tanpa HLP/ CBTG Tanpa HLP	Master in Pharmacoeconomic/ Health Economics	Sarjana	IPTA / IPTS (MQA Accredited)	Dalam Negara
11	CBBP Dengan HLP/ CBBP Tanpa HLP/ CBTG Tanpa HLP	Master in Pharmacognosy	Sarjana	IPTA / IPTS (MQA Accredited)	Dalam Negara
12	CBBP Dengan HLP/ CBBP Tanpa HLP/ CBTG Tanpa HLP	Master in Pharmacy Practice	Sarjana	IPTA / IPTS (MQA Accredited)	Dalam Negara
13	CBBP Dengan HLP/ CBBP Tanpa HLP/ CBTG Tanpa HLP	Master in Data Science	Sarjana	IPTA / IPTS (MQA Accredited)	Dalam Negara

**SENARAI BIDANG KURSUS YANG DITAWARKAN UNTUK MENGIKUTI CUTI BELAJAR  
DI PERINGKAT SARJANA/PH.D SESI 2024/2025**

**PROGRAM PERKHIDMATAN FARMASI**

**PERINGKAT SARJANA**

<b>BIL</b>	<b>KAEDAH</b>	<b>BIDANG</b>	<b>PERINGKAT</b>	<b>UNIVERSITI / INSTITUSI</b>	<b>LOKASI (Bagi Permohonan CBBP Dengan HLP)</b>
14	CBBP Dengan HLP/ CBBP Tanpa HLP/ CBTG Tanpa HLP	Master in Public Health	Sarjana	IPTA / IPTS (MQA Accredited)	Dalam Negara

**PERINGKAT PH.D**

1	CBBP Dengan HLP/ CBBP Tanpa HLP/ CBTG Tanpa HLP	Ph.D in Biomedical Science (NIH)	Ph.D	IPTA / IPTS (MQA Accredited)	Dalam Negara
2	CBBP Dengan HLP/ CBBP Tanpa HLP/ CBTG Tanpa HLP	Ph.D in Clinical Pharmacy (Respiratory/ Cardiology/ Geriatric/ Nephrology/ Oncology)	Ph.D	IPTA / IPTS (MQA Accredited)	Dalam Negara
3	CBBP Dengan HLP/ CBBP Tanpa HLP/ CBTG Tanpa HLP	Ph.D in Cybercrime/ Cybersecurity/ Cybercrime Investigation	Ph.D	IPTA / IPTS (MQA Accredited)	Dalam Negara
4	CBBP Dengan HLP/ CBBP Tanpa HLP/ CBTG Tanpa HLP	Ph.D in Pharmaceutical Analysis/ Pharmaceutical Chemistry/ Pharmaceutical Science	Ph.D	IPTA / IPTS (MQA Accredited)	Dalam Negara
5	CBBP Dengan HLP/ CBBP Tanpa HLP/ CBTG Tanpa HLP	Ph.D in Pharmacoeconomic/ Health Economics	Ph.D	IPTA / IPTS (MQA Accredited)	Dalam Negara
6	CBBP Dengan HLP/ CBBP Tanpa HLP/ CBTG Tanpa HLP	Ph.D in Pharmacoinformatics/ Health Informatics/ Information System	Ph.D	IPTA / IPTS (MQA Accredited)	Dalam Negara
7	CBBP Dengan HLP/ CBBP Tanpa HLP/ CBTG Tanpa HLP	Ph.D in Pharmacy Practice	Ph.D	IPTA / IPTS (MQA Accredited)	Dalam Negara
8	CBBP Dengan HLP/ CBBP Tanpa HLP/ CBTG Tanpa HLP	Ph.D in Regulatory Affairs/ Pharmacy	Ph.D	IPTA / IPTS (MQA Accredited)	Dalam Negara
9	CBBP Dengan HLP/ CBBP Tanpa HLP/ CBTG Tanpa HLP	Ph.D in Biopharmaceutical	Ph.D	Terbuka (Diiktiraf)	Luar Negara
10	CBBP Dengan HLP/ CBBP Tanpa HLP/ CBTG Tanpa HLP	Ph.D in Digital Forensic	Ph.D	Terbuka (Diiktiraf)	Luar Negara
11	CBBP Dengan HLP/ CBBP Tanpa HLP/ CBTG Tanpa HLP	Ph.D in Nuclear Pharmacy	Ph.D	Terbuka (Diiktiraf)	Luar Negara

**NOTA:**

1. Bagi bidang kursus *PhD in Biomedical Science*, kursus tersebut hanya ditawarkan kepada pegawai sedang berkhidmat di Institut Penyelidikan Perubatan (NIH).
2. Bagi bidang kursus berkaitan dengan Farmasi Klinikal & Amalan Farmasi hanya IPT yang menawarkan Ijazah Pertama yang diiktiraf oleh LFM layak dipertimbangkan (sila rujuk laman sesawang Program Perkhidmatan Farmasi (<https://www.pharmacy.gov.my/v2/ms>)).
3. Bidang kursus yang dipohon adalah berkaitan dan bersesuaian dengan tugas serta penempatan atau pengalaman bekerja Pegawai.
4. Permohonan CBBP Dengan HLP hanya tertakluk di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di dalam negara sahaja dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di luar negara (bagi bidang kritikal yang tidak ditawarkan dalam negara).